

07 AUG 1997

Pesawat-Kilang

SYARIKAT PERANCIS BERMINAT BUKA KILANG PESAWAT RINGAN DI MALAYSIA

LANGKAWI, 7 Ogos (Bernama) -- Sebuah syarikat dari Perancis, Kart Air France berminat mendirikan kilang pengeluaran pesawat ringan dan mikrolight di negara ini yang dianggap berpotensi untuk berkembang.

Pengurus kanan Le Proton LIMA Sdn Bhd, Megat Nawawi Megat Hamid hari ini berkata, wakil syarikat berkenaan Chavanne P.J. melahirkan hasrat itu semasa pertemuan dengan beliau hari ini.

Kedudukan Malaysia yang sesuai dan galakan kerajaan kepada industri penerbangan menguatkan hasrat syarikat itu untuk membuka kilang di negara ini, katanya kepada Bernama selepas perbincangan di tapak Langkawi Fly-In 1997 di sini. Le Proton LIMA Sdn Bhd ialah penganjur acara itu.

Megat Nawawi berkata, syarikat itu masih mencari rakan kongsi untuk membuka kilang itu di negara ini dengan Langkawi sebagai pilihan.

Beliau berkata kilang yang dicadangkan itu akan turut mengeluarkan komponen pesawat dan memasang di sini menggunakan teknologi negara berkenaan.

Menurutnya, kajian oleh syarikat itu mendapati Malaysia merupakan tempat paling sesuai dan berpotensi untuk kilang berkenaan.

Beliau berkata beberapa negara termasuk Australia dan New Zealand telah menyatakan minat untuk membeli pesawat itu jika dikeluarkan kelak.

Kart Air France juga akan mengeluarkan pesawat ringan jenis kit plane, mikrolight dan helikopter ringan jenis Gyro, katanya.

Menurut Megat Nawawi, syarikat itu juga menyatakan minat untuk mengambil bahagian pada Langkawi Fly-In 1998 dengan membawa beberapa pesawat mikrolight untuk dipamerkan.

Langkawi Fly-In yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Isnin lepas berakhir esok. -- BERNAMA

ZI NH FAZ